

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1990/91

Mac/April 1991

HMT 302 Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa: [3 jam]

---

Kertas Peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) soalan dalam DUA (2) muka surat.

Jawab SEMUA soalan.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Definisikan konsep-konsep berikut dan beri contoh:

- (a) Subjek dan predikat
- (b) Kata kerja aktif transitif dan aktif tak transitif
- (c) Objek tepat dan objek sipi menurut Za'ba
- (d) Objek tepat dan objek sipi menurut Tatabahasa Dewan I
- (e) Pelengkap dan adjung

2. Huraikan unsur-unsur dan binaan struktur bahagian ayat berikut dan beri contoh:

- (a) Frasa nama
- (b) Frasa kerja
- (c) Frasa sifat nama (adjektif)
- (d) Frasa sifat kerja (adverb)
- (e) Frasa kata depan

3. Huraikan binaan ayat berikut dan beri contoh:

- (a) Binaan ayat tunggal biasa
- (b) Binaan ayat tunggal songsang
- (c) Binaan ayat pasif orang pertama
- (d) Binaan ayat pasif orang kedua
- (e) Binaan ayat pasif orang ketiga

4. Analisis ayat majmuk gabungan berikut dan lukis rajah pohon:

- (a) Saya minum kopi dan dia minum teh.
- (b) Wong Hung Nung sungguh pandai bermain bola dan golf.
- (c) Razif dan Jailani pandai bermain badminton.
- (d) Dia suka makan mi goreng, roti canai, nasi beriani, daging rendang dan rojak.

5. Analisis ayat majmuk pancangan berikut dan lukis rajah pohon:

- (a) Perdana Menteri mengumumkan bahawa kakitangan kerajaan akan menerima kenaikan gaji.
- (b) Berita bahawa dia terbunuh itu tidaklah benar.
- (c) Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan membuka kompleks yang baru dibina itu.
- (d) Profesor yang baru dilantik itu menyampaikan syarahan penerimaan jawatannya.